

# Nelayan harap kerajaan kawal harga peralatan, pengaruhi harga pasaran ikan

UM 22/10/2024 pg 32

**KANGAR:** Kerajaan diharap dapat mengawal harga peralatan nelayan yang dibimbangi berlaku kenaikan retentan pengumuman penyasaran subsidi petrol bermula pertengahan tahun depan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Perlis, Asri Jab berkata, golongan nelayan menyambut baik intipati Belanjawan 2025 baru-baru ini namun pengumuman penyasaran petrol itu dibimbangi mendorong kepada

da kenaikan harga peralatan bagi menangkap ikan.

Katanya, sekiranya harga peralatan tidak dikawal dan berlaku kenaikan, perkembangan itu akan mempengaruhi harga pasaran ikan selepas ini.

“Disebabkan itu kami para nelayan mengharapkan agar harga peralatan menangkap ikan seperti pukat, enjin dan lain-lain dapat dikawal dengan sebaiknya bagi mengelakkan kenaikan,” katanya.

kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Menerusi Belanjawan 2025, kerajaan bercadang melaksana penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun hadapan.

Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM2.78 bilion sebagai subsidi, bantuan dan insentif untuk pesawah dan nelayan iaitu meningkat berbanding RM2.6 bilion tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim berkata, kadar siling bantuan bina baharu atau penempatan semula rumah nelayan akan dinaikkan kepada RM84,000 berbanding RM56,000 di Semenanjung.

Katanya, bantuan diesel juga dikekalkan untuk nelayan dalam memenuhi keperluan sebenar komuniti kecil ini yang memberi sumbangan besar kepada agenda keterjaminan makanan.

Sementara itu, seorang ne-

layan, Zekri Ali, 49, berkata, inisiatif kerajaan mengekalkan subsidi diesel buat para nelayan sememangnya amat membantu khususnya dalam mendepani cabaran kenaikan harga barang pada ketika ini.

“Pemberian subsidi ini sememangnya perlu dikekalkan kerana harga peralatan menangkap ikan juga semakin meningkat malah hasil tangkapan kami juga tidak menentu,” katanya.